

MODEL KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA MUDA DI MALAYSIA

A MODEL OF FINANCIAL WELLBEING AMONG YOUNG WORKERS IN MALAYSIA

Nurshawati Che'mat¹
Nurul Labanihuda Abdull Rahman^{2*}
Hasyeilla Abd Mutalib³

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia, E-Mail: shawatychemat@gmail.com

² Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia, E-Mail: labanihuda@uitm.edu.my

*Corresponding Author

³ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis, Malaysia, E-Mail: hasyeilla798@uitm.edu.my

Article history

Received date : 5-9-2022

Revised date : 6-9-2022

Accepted date : 4-11-2022

Published date : 5-11-2022

To cite this document:

Che'mat, N., Abdull Rahman, N. L., & Abd Mutalib, H. (2022). Model Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda di Malaysia. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 7(44), 16 - 25.

Abstrak: Pada masa ini, tahap kewangan pekerja muda di Malaysia berada di tahap yang rendah. Tekanan kewangan akibat pengurusan kewangan yang salah telah memberi kesan kepada kesejahteraan kewangan individu dan keluarga. Kajian yang lepas hanya memberi fokus sebelum pandemik. Walau bagaimanapun, kajian tahap kewangan pekerja semasa wabak COVID-19 dan tempoh peralihan fasa endemik kurang dikaji. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan di kalangan pekerja muda di Malaysia. Antara faktor yang dikaji adalah celik kewangan, masalah kewangan, keupayaan kewangan, persekitaran kerja. Peserta dalam kajian ini adalah pekerja muda dari syarikat swasta di Zon Utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak. Kajian ini menggunakan analisis Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa untuk menganalisis data. Penemuan dari kajian ini penting kepada pihak majikan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai keadaan kewangan semasa pekerja mereka. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak kerajaan dan pihak institusi kewangan mengenai tahap pengetahuan pengurusan kewangan di kalangan pekerja muda semasa fasa endemik di Malaysia.

Kata Kunci: Kesejahteraan Kewangan, Celik Kewangan, Masalah Kewangan, Keupayaan Kewangan, Persekitaran Kerja

Abstract: Currently, the financial level of young workers in Malaysia is at low level. Financial stress due to incorrect financial management has impacted the financial well-being of individuals and families. The previous study only focused on before the pandemic. However, the study of the financial level of workers during the COVID-19 epidemic and the transition period of the endemic phase is less studied. Therefore, this study aims to identify factors that

affect financial well-being among young workers in Malaysia. Among the factors studied are financial literacy, financial problems, financial ability, and work environment. The participants in this study are young workers from private companies in the Northern Zone, namely Perlis, Kedah, Penang, and Perak. This study used Partial Least Squares Modeling analysis to analyze the data. The findings from this study are important for employers to get a clear picture of their employees' current financial situation. In addition, this study can provide information to the government and financial institutions regarding the level of financial management knowledge among young workers during the endemic phase in Malaysia.


Keywords: *Financial Well-Being, Financial Literacy, Financial Problems, Financial Ability, Work Environment*

Pengenalan

Kesejahteraan kewangan adalah satu konsep yang boleh yang menjelaskan keadaan kewangan seseorang dan salah satu elemen kesejahteraan adalah dari aspek kerjaya, fizikal, sosial dan komuniti (Mokhtar et al., 2020). Selain itu, kesejahteraan kewangan boleh memberi kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap individu, pasukan dan juga organisasi. Kesejahteraan kewangan juga merujuk kepada keadaan yang digunakan untuk menggambarkan latar belakang kewangan atau status seseorang individu atau keluarga. Tambahan pula, kesejahteraan kewangan yang baik dan terkawal boleh membuatkan individu berasa selamat dan bersedia untuk menghadapi kecemasan yang tidak dijangka pada masa hadapan.

Pada tahun 2019, dunia dikejutkan dengan penemuan wabak virus baharu Covid-19, di Wuhan. Covid-19 dikenali sebagai SARS-CoV-2, adalah bentuk baru virus korona yang tergolong dalam keluarga virus pneumonia. Pandemik ini mempunyai banyak kesan buruk kepada dunia, terutamanya dari segi kesihatan dan ekonomi. Malah, langkah-langkah penutupan yang dilaksanakan semasa pandemik telah mempengaruhi ketidakpastian mengenai pertumbuhan ekonomi. Menurut Sneader dan Singhal (2020) menyatakan bahawa Covid-19 telah menjejaskan kesejahteraan ekonomi rakyat dan beberapa institusi. Negara berpendapatan rendah dan sederhana dengan sistem kesihatan kurang maju berkemungkinan menghadapi cabaran yang lebih ketara dan kekal terdedah dalam mengawal Covid-19 berbanding negara berpendapatan tinggi (Shrestha, 2020). Menurut laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menyatakan peningkatan kadar pengangguran berikutan syarikat terpaksa menutup operasi pada April 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengakibatkan kehilangan pekerjaan dalam kalangan pekerja di Malaysia. Hal ini telah menyebabkan majoriti golongan pekerja muda mengalami kehilangan pekerjaan dalam kalangan semua kumpulan umur.

Di samping itu, Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Malaysia telah terkesan semasa pandemik kerana terpaksa menutup perniagaan dan berlakunya pengurangan pendapatan (Omar et al., 2020). Bagi golongan peniaga kecil, situasi ini memberikan tekanan kerana pengurangan pelanggan, pembayaran sewa premis yang tinggi dan masalah aliran tunai. (Abd Rahman & Othman, 2021). Selain itu, menurut Sabri et al., (2018), kurangnya pengetahuan dalam menguruskan kewangan dengan baik menyebabkan segelintir masyarakat berhadapan dengan masalah kewangan dan telah menyumbang kepada kemerosotan kesejahteraan kewangan.



Rajah 1: Kesiapsiagaan Kewangan Sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan Dilanjutkan
 (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020)

Berdasarkan kajian dari Jabatan Perangkaan Malaysia di Rajah 1, mendapati responden yang bekerja sendiri menunjukkan peratus yang tertinggi iaitu 81.9% di mana mereka tidak bersedia dari segi kesiapsiagaan kewangan sekiranya PKP dilanjutkan. Kajian yang dilaksanakan oleh Mohammad Alyas dan Roslinah (2021) juga mendapati syarikat tidak bersedia terutamanya dalam menguruskan hutang. Malah, mereka menghadapi kesukaran untuk mengumpul pembayaran pelanggan, membayar pembekal, gaji pekerja dan sewa tapak. Oleh yang demikian, ia akan memberi kesan kepada kitaran kewangan PKS.

Permasalahan Kajian

Pada tahun 2019, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 telah diperkenalkan di Malaysia (Patho Rohman & Abdul Aziz, 2019). Dapatan daripada kajian ini mendapati sebanyak 84% rakyat Malaysia menyimpan secara tetap hanya untuk jangka masa terdekat sahaja dan 52% rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan. Menurut Basir (2017), perancangan kewangan hendaklah menjadi keutamaan untuk bersiap sedia menghadapi cabaran kewangan individu. Selain itu, seseorang individu haruslah merancang, mengurus dan mengaplikasikan kemahiran pengurusan kewangan yang cekap bagi menyumbang kepada kesejahteraan kewangan individu dan masyarakat (Mohammad Fazli, 2017). Dapatan Lusardi (2015) menyatakan individu yang kurang ilmu menguruskan kewangan akan cenderung untuk membuat keputusan yang salah dalam pengurusan ekonomi mereka. Hal ini turut disokong oleh Yew et al., (2017), pengetahuan pengurusan kewangan yang lemah akan menyebabkan individu terlibat dalam kemelut kewangan yang memberi kesan kepada ekonomi mereka di kemudian hari.

Di samping itu, hasil kajian di Amerika Syarikat menunjukkan sebanyak 60% daripada pekerja muda mencatatkan statistik tertinggi dalam masalah kewangan disebabkan bebanan hutang pendidikan yang tinggi sehingga tidak mampu membayarnya (Whitsett, 2012). Kajian lepas juga mendapati kurang keyakinan mengenai pengurusan hutang dan menyebabkan mereka tidak dapat memastikan kestabilan jangka masa panjang bagi diri mereka dan keluarga (Fazli & Mumtazah, 2010). Kesimpulannya, kajian berkaitan pengurusan kewangan amat diperlukan terutamanya semasa tempoh fasa endemik. Kajian yang lepas hanya memberi fokus sebelum pandemik. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang

mempengaruhi kesejahteraan kewangan di kalangan pekerja muda di Malaysia. Di samping itu, kajian ini dapat membantu kerajaan dalam membangunkan masyarakat yang celik kewangan seperti yang digariskan dalam Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. Seterusnya, ia dapat mengukuhkan kesejahteraan kewangan masyarakat selari dengan hasrat kerajaan dalam membasmi kemiskinan di Malaysia.

Kajian Literatur

Kajian ini memfokuskan Teori Pengurusan Sumber Keluarga dan penentuan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan seperti celik kewangan, masalah kewangan, keupayaan menguruskan kewangan dan persekitaran kerja.

Teori Pengurusan Sumber Keluarga

Teori Pengurusan Sumber Keluarga akan digunakan di dalam kajian ini kerana ia memberi penekanan kepada psikologi, sosiologi, keluarga, perniagaan, ekonomi dan pengurusan kediaman. Malah, teori ini memberi tumpuan kepada proses membuat keputusan untuk merancang dan mencapai objektif (Garrison et al., 1990). Tambahan pula, teori ini terdiri daripada tiga platform iaitu sumber individu, membuat keputusan dan hasil daripada gabungan kedua-dua platform dalam membangunkan kesejahteraan kewangan (Deacon & Firebaugh, 1988).

Kesejahteraan Kewangan

Kesejahteraan kewangan merujuk kepada ukuran objektif dan subjektif yang terdiri daripada persekitaran, pekerjaan, kesihatan dan masa lapang (Van Praag et al., 2003). Menurut Ghazali et al., (2022), kesejahteraan kewangan merangkumi keupayaan individu untuk mengurus masa depan kewangannya dan membuat keputusan yang membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih baik. Kajian oleh Mokhtar dan Husniyah (2017) menunjukkan bahawa kesejahteraan kewangan adalah subjektif dan keadaan kewangan akan memberi impak kepada individu dan keluarga untuk menguruskan kewangan mereka dengan cekap. Dapatan kajian mendapati jika individu itu dapat menguruskan kewangan dengan betul, tekanan kewangan akan berkurang dan membangunkan persekitaran kerja yang lebih baik dan meningkatkan kesejahteraan kewangan pekerja muda.

Celik Kewangan

Celik kewangan ditakrifkan sebagai pengetahuan dan kemahiran individu untuk menangani masalah kewangan dalam kehidupan seharian mereka. Ia juga boleh digambarkan sebagai keupayaan untuk menguruskan wang dari segi untuk mendapatkannya dan melabur untuk meningkatkan jumlah wang. Menurut Ismail dan Zaki (2019), celik kewangan merupakan komponen untuk mengukur sejauh mana seseorang itu boleh menggunakan maklumat kewangan peribadi dan memahami cara mengurus kewangan. Individu kini lebih suka mencari maklumat terlebih dahulu sebelum membuat keputusan, bertanggungjawab terhadap keputusan mereka dan mengetahui akibat pengetahuan kewangan mereka. Ini adalah satu bentuk kepentingan celik kewangan dalam menentukan kesejahteraan kewangan seseorang, pada masa kini dan masa hadapan. Celik kewangan bukan sekadar maklumat dan pengetahuan, tetapi keupayaan individu untuk menggunakan atau menggunakan maklumat dan sumber tersebut adalah kunci untuk mengekalkan dan mencapai kesejahteraan kewangan (Lavonda et al., 2021).

Beberapa kajian telah menemui hubungan yang signifikan antara celik kewangan dan kesejahteraan kewangan di kalangan pekerja dan pelajar (Sabri & Zakaria, 2015; Sabri & Falahati, 2013). Kajian ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai pengetahuan dari

segi kewangan, mereka mempunyai kecenderungan untuk membuat keputusan yang baik dalam menguruskan kewangan peribadi mereka dan membawa kepada kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Dapatan yang sama menunjukkan terdapat hubungan positif antara celik kewangan dan kesejahteraan kewangan pesara (Adam et al., 2017). Namun begitu, kajian oleh Delafrooz dan Paim (2011) mendapati hubungan tidak langsung antara celik kewangan dan kesejahteraan kewangan, dan mendedahkan bahawa celik kewangan bukanlah faktor penting berbanding pembolehubah lain. Disebabkan oleh penemuan yang berbeza, kajian ini akan menguji hubungan antara celik kewangan dan kesejahteraan kewangan.

H1: Terdapat hubungan positif antara celik kewangan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia.

Masalah kewangan

Secara amnya, masalah kewangan berkaitan dengan tingkah laku kewangan yang negatif dan seterusnya membawa kepada tekanan kewangan yang memberi kesan kepada kehidupan peribadi dan keluarga (Delafrooz & Paim, 2013, Mohammad et al., 2021). Masalah kewangan adalah satu keadaan di mana individu menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan akibat kekurangan wang. Sejumlah besar hutang, bil perubatan dan kehilangan pekerjaan boleh menyebabkan masalah kewangan. Malah, jika masalah kewangan berlarutan, ia boleh menyebabkan kemerosotan dalam prestasi kerja di kalangan pekerja disebabkan pengurusan kewangan yang tidak baik. Masalah kewangan juga merangkumi beberapa aspek kewangan seperti aset, pendapatan, hutang dan pengurusan wang. Terdapat beberapa faktor didapati menyumbang kepada masalah kewangan seperti pemikiran yang lemah dalam cara dan perspektif kewangan, kejadian di luar kawalan individu, pengetahuan dan kemahiran yang tidak mencukupi (Ismail & Zaki, 2019). Kajian yang dilakukan oleh Sabri dan Falahati (2013) mendapati hubungan langsung antara masalah kewangan dengan kesejahteraan kewangan. Dapatan ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai masalah kewangan yang lebih besar akan mengalami tahap kesejahteraan kewangan yang lebih rendah. Dapatan ini konsisten dengan Delafrooz dan Paim (2013) yang menyokong bahawa jika masalah kewangan lebih rendah, ia akan membawa kepada kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Selain itu, tanpa penyelesaian yang tepat untuk mengatasi masalah kewangan, individu akan mengalami tekanan emosi dan kemurungan. Justeru, kajian ini mencadangkan kepentingan literasi kewangan dan keupayaan kewangan dalam menyelesaikan masalah kewangan (Marcolin & Abraham, 2006).

H2: Terdapat hubungan negatif antara masalah kewangan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia.

Keupayaan Kewangan

Keupayaan kewangan ialah gabungan sikap, pengetahuan, kemahiran dan kecekapan diri dalam menguruskan kewangan. Selain itu, Laporan Strategi Ekonomi dan Fiskal oleh Perbendaharaan (2007) mencadangkan tiga strategi mengenai keupayaan kewangan. Pertama, mereka yang mempunyai masalah kewangan memerlukan nasihat kewangan untuk mengatasi masalah mereka. Kedua, mereka perlu mengambil bahagian dalam program pendidikan kewangan peribadi terutamanya golongan muda dan akhir sekali, kerajaan harus menjalankan program yang relevan untuk membantu individu yang mempunyai kemahiran membuat keputusan kewangan yang lemah. Di samping itu, Sabri dan Zakaria (2015) mendapati keupayaan kewangan menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan. Keputusan menunjukkan bahawa pengetahuan dalam kewangan adalah penting untuk meningkatkan keupayaan individu mengurus kewangan peribadi mereka dan membuat

keputusan yang baik. Penemuan oleh Sabri dan Falahati, (2013) juga mengesyorkan syarikat untuk menganjurkan seminar pendidikan kewangan untuk meningkatkan tahap keyakinan pekerja muda dalam menguruskan amalan kewangan mereka pada masa hadapan.

H3: Terdapat hubungan positif antara keupayaan kewangan dan kesejahteraan kewangan di kalangan pekerja muda di Malaysia.

Persekitaran kerja

Persekitaran kerja memberi kesan kepada kesejahteraan seseorang yang boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan peribadi (Mokhtar & Husniyah, 2017). Persekitaran kerja adalah penting kerana kita menghabiskan sebahagian besar masa kita untuk menyelesaikan tugas kita (Harvey & Pentland, 2004). Persekitaran di mana pekerja menghabiskan masa bekerja mereka merupakan sumber kepuasan kerja yang penting dan ia memberi kesan kepada motivasi pekerja dan prestasi seterusnya. Menurut Anasi (2020) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia, semua sektor kerajaan, sektor swasta dan premis perniagaan ditutup kecuali perkhidmatan penting. Bagaimanapun, bagi mereka yang dibenarkan bekerja mesti mematuhi peraturan penjarakan sosial di kalangan rakan sekerja (Omar et al., 2020). Akibatnya, syarikat terpaksa mengubah strategi perniagaan mereka yang mungkin menjejaskan emosi pekerja dalam persekitaran kerja mereka (Cassia & Minola, 2012). Kajian oleh Sulsky dan Smith (2005) menunjukkan bahawa sesetengah individu mungkin berasa tertekan dengan tugas dan sasaran kerja yang ingin dicapai. Akibatnya, produktiviti di tempat kerja akan menurun disebabkan oleh sikap negatif pekerja dalam persekitaran kerja (Houdmount & Leka, 2010). Penemuan oleh Mokhtar dan Husniyah (2017) juga menyokong bahawa mempunyai persekitaran kerja yang baik akan membawa kepada kualiti hidup yang lebih baik dan kesejahteraan kewangan peribadi.

H4: Terdapat hubungan positif antara persekitaran kerja terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia.

Jantina sebagai faktor penyederhana

Jantina yang berbeza akan menunjukkan hasil yang berbeza dari segi aktiviti kewangan dan tahap kesejahteraan kewangan. Menurut Falahati dan Paim (2011) sosialisasi yang berbeza menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kewangan wanita dan lelaki adalah tidak sama. Selain itu, jantina dan kepuasan hidup turut mengubah kesejahteraan kewangan seseorang dan kebiasaannya tahap kesejahteraan kewangan pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada tahap pelajar lelaki. Ini kerana tahap pendidikan dan kesedaran yang tinggi di kalangan pekerja wanita berbanding pekerja lelaki pada masa kini, justeru mereka lebih mementingkan pendidikan kewangan. (Mohamed, 2017, Noor et al., 2022). Dapatan kajian juga disokong oleh Danes dan Haberman (2007) menyatakan wanita memperoleh pengetahuan kewangan dan keberkesanan diri yang lebih tinggi dan meningkatkan tingkah laku kewangan lebih daripada lelaki.

H5: Terdapat hubungan yang signifikan antara celik kewangan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia yang disederhanakan mengikut jantina.

H6: Terdapat hubungan yang signifikan antara masalah kewangan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia yang disederhanakan mengikut jantina.

H7: Terdapat hubungan yang signifikan antara kemampuan kewangan terhadap kesejahteraan kewangan di kalangan pekerja muda di Malaysia yang disederhanakan mengikut jantina.

H8: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran kerja terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja muda di Malaysia yang disederhanakan mengikut jantina.

Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini akan menggunakan soal selidik dan akan diedarkan kepada pekerja muda di syarikat swasta di Zon Utara. Kajian ini hanya melibatkan pekerja muda yang bekerja di syarikat swasta kerana mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan mudah terkesan sekiranya berlaku krisis ekonomi berbanding pekerjaan di sektor kerajaan. Di samping itu, kebanyakan kajian yang lepas hanya tertumpu di kawasan Zon Tengah seperti Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, kajian ini akan memilih responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang tahap kewangan mereka.

Di samping itu, borang tinjauan telah dibuat menggunakan borang google dan pautan Borang Google telah dikongsi kepada semua responden melalui e-mel, WhatsApp dan Facebook. Selain itu, pautan ini menyediakan penerangan umum tentang objektif kajian. Bagi mengukur kesejahteraan kewangan, kajian ini akan menggunakan soalan kaji selidik daripada Prakash et al., (2022) yang mengandungi 6 item. Seterusnya, celik kewangan boleh menunjukkan pengetahuan am seseorang tentang pengurusan kewangan dalam konteks Malaysia. Untuk mendapatkan data literasi kewangan, instrumen daripada Prakash et al., (2022) akan digunakan yang mengandungi 6 soalan. Manakala soal selidik daripada Moga Dass dan Sabri (2017) akan digunakan untuk menentukan masalah kewangan responden dengan menganalisis rekod kewangan, simpanan dan lain-lain. Keupayaan kewangan terdiri daripada 6 soalan yang diambil daripada Winstanley et.,al (2018). Akhir sekali, skala persekitaran kerja akan disesuaikan untuk disesuaikan dengan konteks kerja Malaysia. Kajian ini terdiri daripada 5 soalan yang diadaptasi daripada soalan kaji selidik oleh Anasi (2020). Borang kaji selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu maklumat demografi dan faktor penentuan (celik kewangan, masalah kewangan, keupayaan kewangan, persekitaran kerja). Bagi kesemua soalan yang diajukan, responden akan diminta menilai jawapan mereka daripada sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5). Soal selidik menggunakan dua medium bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dapat memberikan pemahaman yang lebih baik. Kajian ini menggunakan analisis Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa untuk menganalisis data.

Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk membentangkan model kesejahteraan kewangan untuk pekerja muda di Malaysia. Hubungan antara celik kewangan, masalah kewangan, keupayaan kewangan, persekitaran kerja akan dikaji dalam kajian ini. Penemuan dari kajian ini penting kepada pihak majikan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai keadaan kewangan semasa pekerja mereka. Selain itu, kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak kerajaan dan pihak institusi kewangan mengenai tahap pengetahuan pengurusan kewangan di kalangan pekerja muda semasa fasa endemik di Malaysia. Pihak-pihak yang berwajib hendaklah merancang program yang boleh membantu pekerja muda untuk menguruskan kewangan dengan lebih baik serta menyumbang kepada kesejahteraan kewangan. Di samping itu, dapatan hasil ini dapat memberi panduan kepada pendidik di universiti untuk mendedahkan pendidikan ilmu

pengurusan kewangan di kalangan pelajar semasa tempoh pengajian mereka. Oleh yang demikian, pengurusan kewangan yang bijak amat penting untuk dipraktikkan oleh individu bagi menempuh cabaran dan persekitaran yang kompetitif di masa hadapan.

Rujukan

- Adam, A. M., Frimpong, S., Boadu, M., O. (2017). Financial literacy and financial planning: Implication for financial well-being of retirees. *Business & Economic Horizons*, 13(2).
- Anasi, S.N. (2020). Perceived influence of work relationship, work load and physical work environment on job satisfaction of librarians in South-West, Nigeria. *Global Knowledge, Memory and Communication*, 69(6/7), 377-398.
- Abd Rahman, R., & Othman, Y. H. (2021). Cabaran Covid 19: Literasi Kewangan Peribadi Sebagai Penentu Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Negeri kedah. *International Journal of Muamalat December*, 5(1).
- Basir, Z. (2017). Golongan Belia Perlu Bijak Urus Kewangan Peribadi. Berita Harian. Diambil daripada https://coscomm.upm.edu.my/newspaper/golongan_belia_perlu_bijak_urus_kewangan. Diakses pada 1 Oktober 2022.
- Patho Rohman, M. A., & Abdul Aziz, M. (2019). Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/07/588170/strategi-literasi-kewangan-kebangsaan-2019-2023>, Diakses pada 2 Oktober 2022.
- Cassia, L., Minola, T. (2012). Hyper-growth of SMEs towards a reconciliation of entrepreneurial orientation and strategic resources. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 18(2), 179-197.
- Danes, S. M., & Haberman, H. R. (2007). Teen financial knowledge, self-efficacy, and behavior: A gendered view. *Journal of Financial Counseling and Planning*, 18(2), 48-60
- Deacon, R., Firebaugh, F. (1988). Family resource management: Principles and applications (2nd Ed.). *Boston: Allyn and Bacon*.
- Delafrouz, N., Paim, L., H. (2011). Determinants of financial wellness among Malaysia workers. *African Journal of Business Management*, 5(24), 10092-10100.
- Delafrouz, N., Paim, L., Sabri, M. F., Masud, J. (2010). Effect of financial wellness on the relationship between financial problem and workplace productivity. *World Applied Sciences Journal*, 10(8), 871-878.
- Delafrouz, N., Paim, L., H. (2013). Role of financial stress on relationship between financial problem and financial wellness among Malaysia workers. *African Journal of Business Management*, 7(20), 1966-1972.
- Department of Statistics Malaysia (2020). Key Statistics of Labour Force in Malaysia, May 2020, Diambil daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?>. Diakses pada 1 Oktober 2022.
- Falahati, L., & Paim, L. (2011). Gender differences in financial well-being among college students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 5(9), 1765-1776.
- Fazli, M.S. & Mumtazah, O. (2010). Financial literacy: Research, education and policy implication. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 14, 53-71.
- Garrison, M., Malia, J., Molgaard, V., & Norem, R. (1990). A comprehensive model of theoretical integration of family resource management theory and family stress theory. *In Theory Construction and Research Methodology Pre-conference Workshop at the annual meeting of the national Council on Family Relations, Seattle, WA*.
- Ghazali, M. S., Alwi, S. F. S., Othman, I., Sabri, M. F., & Aziz, N. N. A. (2022). The Relationship between Subjective Financial Knowledge and Financial Well-Being among Emerging Adults in Malaysia: Mediating Effect of Financial Behaviour.

- International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1263–1284.
- Harvey, A. S., & Pentland, W. (2004). What do people do? In C. Christiansen & E. Townsend (Eds.), *Introduction to occupation: The art and science of living*, 63-90. *United States of America, USA: Pearson Education Limited*.
- Houdmont, J. and Leka, S. (2010). Occupational health psychology. *Occupational health psychology*, 298.
- Ismail, N., & Zaki, N. D. A. (2019). Does financial literacy and financial stress effect the financial wellness. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 1- 11.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Laporan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi Dan Individu (Pusingan 1). Diambil daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID19. Diakses pada 1 Oktober 2022.
- Laporan Strategi Ekonomi dan Fiskal oleh Perbendaharaan (2007). Diambil daripada <https://budget.mof.gov.my/pdf/2022/hasil/seksyen1.pdf>. Diakses pada 2 Oktober 2022.
- Lavonda, P., Setyawan, I. R., & Ekadjadja, M. (2021). Determinants of financial well-being among young workers in Jakarta during the covid-19 pandemic. *Jurnal Ekonomi*, 26(2), 305-320.
- Lusardi, A. (2015). Financial literacy skills for the 21st century: Evidence from PISA. *Journal of consumer affairs*, 49(3), 639-659.
- Mokhtar, N., Husniyah, A., R. (2017). Determinants of financial well-being among public employees in Putrajaya, Malaysia. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 25(3), 1241-1260.
- Mohamed, N. A. (2017). Financial socialization: A cornerstone for young employees' financial well-being. *Reports on Economics and Finance*, 3(1), 15-35.
- Mohamad, H., Zakaria, S. M., Manap, J., & Ibrahim, M. A. (2021). Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14, 64-68.
- Mohamad Fazli, S. (2017). Mahasiswa perlu bijak urus pinjaman. Utusan Malaysia. Diambil daripada, <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/50698> <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/50698/1/Mahasiswa%20perlu%20bijak%20urus%20pinjaman.pdf>. Diakses pada 2 Oktober 2022
- Moga Dass, T. A. and Sabri, M. F. (2017) "The Financial Status and Factors Affecting Personal Well-Being Among Urban Poor in Kuala Lumpur", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 2(1), 21 - 39.
- Marcolin, S., Abraham, A. (2006). Financial literacy research: Current literature and future opportunities. *3rd International Conference of Contemporary Business 2006 Leura*, 21-22 September.
- Mehwish Zulfiqar & Muhammad Bilal (2016). Financial Wellbeing is the Goal of Financial Literacy. *Research Journal of Finance and Accounting*, 7(11).
- Mohammad Alyas Z.A., & Roslinah M. (2021). Pandemik Covid-19 Dan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Dimuat turun dari https://oer.ums.edu.my/handle/oer_source_files/1494. Diakses pada 2 Oktober 2022.
- Noor, N. M., Yew, V. W., & Yusoff, N. H. (2022). The Changing World: A Literature Review on The Significant Roles of Millennial Women in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 285-298.
- Omar, A. R. C., Ishak, S., Jusoh, M., A. (2020). The impact of Covid-19 Movement Control Order on SMEs' businesses and survival strategies. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(2).

- Prakash, N., Alagarsamy, S., & Hawaldar, A. (2022). Demographic characteristics influencing financial wellbeing: a multigroup analysis. *Managerial Finance*.
- Sabri, M. F., Zakaria, N. F. (2015). The Influence of Financial Literacy, Money Attitude, Financial Strain and Financial Capability on Young Employees' Financial Well-being. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 23(4).
- Sabri, M. F., Falahati, L., F. (2013). Predictors of financial well-being among Malaysian employees: Examining the mediate effect of financial stress. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 1(3), 61-76.
- Sneader, K., & Singhal, S. (2020). Beyond coronavirus: The path to the next normal, Article McKinsey & Company. Diambil daripada <https://www.mckinsey.com/industries>. Diakses pada 1 Oktober 2022.
- Shrestha, P. M. (2020). Without immediate support, small and medium enterprises on verge of collapse. *The Kathmandu Post*. April, 28.
- Sulsky, L., Smith, C., S., 2005. Work stress. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company
- Taylor, M. (2011). Measuring financial capability and its determinants using survey data. *Social Indicators Research*, 102(2), 297-314.
- Sabri, M. F., Abd Rahim, H., Wijekoon, R., Fardini, N., Zakaria, A. S. M., & Reza, T. S. (2020). The mediating effect of money attitude on association between financial literacy, financial behaviour, and financial vulnerability. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(15), 340-358.
- Van Praag, B. M., Frijters, P., & Ferrer-i-Carbonell, A. (2003). The anatomy of subjective well-being. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 51(1), 29-49.
- Winstanley, M., Durkin, K., Webb, R. T., & Conti-Ramsden, G. (2018). Financial capability and functional financial literacy in young adults with developmental language disorder. *Autism & developmental language impairments*.3.
- Whitsett, C.H., (2012). High debt, low information: A survey of student loan borrowers. *NERA Economic Consulting on Behalf of Young Invincibles*.
- Yew, S. Y., Yong, C. C., Cheong, K. C., & Tey, N. P. (2017). Does financial education matter? Education literacy among undergraduates in Malaysia. *Institutions and Economies*, 9(1), 43– 60.